

UNTUK SIARAN SEGERA

26 OGOS 2020

UEM Edgenta Catat RM950.3 Juta Pendapatan pada Separuh Pertama TK2020

- Asas perniagaan kekal kukuh, dan terus menyediakan perkhidmatan penting di barisan hadapan dalam menyokong usaha pemulihan ekonomi negara;
- Penurunan nilai “one-off” sebanyak RM50 juta membabitkan inventori harta tanah yang tidak terjual sebagai sebahagian daripada usaha penstrukturan semula;
- Pengurusan kos dan aliran tunai yang kukuh adalah keutamaan Syarikat dalam usaha memperkembangkan perkhidmatannya menerusi platform teknologi.

KUALA LUMPUR, 26 Ogos - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangan untuk tempoh berakhir 30 Jun 2020 (“1H TK2020”) yang belum diaudit di sini hari ini.

Syarikat mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM15.2 juta untuk 1H TK2020 dengan pendapatan sebanyak RM950.3 juta, berbanding keuntungan bersih RM68.1 juta dan RM1.1 bilion masing-masing untuk tempoh yang sama pada TK2019. Berikutan penurunan nilai “one-off” sebanyak RM50 juta untuk inventori harta tanah yang tidak terjual, keuntungan bersih yang dinormalisasi adalah sebanyak RM34.8 juta pada 1H TK2020. Ini adalah sebahagian daripada usaha penstrukturan semula Syarikat yang sedang dijalankan untuk merasionalisasikan perniagaan bukan teras sambil mengutamakan sumber dalam sektor penjagaan kesihatan dan infrastruktur.

Keuntungan bersih yang dinormalisasi meningkat kepada RM22.7 juta pada suku kedua (“Q2 TK2020”) berbanding dengan suku sebelumnya (“Q1 TK2020”), dengan kadar peningkatan sebanyak 87.6% daripada RM12.1 juta pada Q1 TK2020, manakala jumlah pendapatan menurun sebanyak 10.6% dari RM501.9 juta kepada RM448.5 juta. Peningkatan keuntungan bersih yang dinormalisasi untuk Q2 TK2020 berbanding suku sebelumnya adalah bukti usaha berterusan Syarikat dalam menguruskan kos operasi sambil mengekalkan margin berikutan kesan menyeluruh pandemik COVID-19 pada suku tersebut. Pada 30 Jun 2020, kunci kira-kira UEM Edgenta kekal kukuh dengan nisbah gearan kasar rendah pada 0.3x kali.

Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Syahrudin Samsudin berkata, “UEM Edgenta akan terus memainkan peranan utama dalam menyokong usaha pemulihan ekonomi negara dan bekerjasama dengan para pelanggan kami untuk memastikan perkhidmatan yang kami

sediakan berkualiti tinggi sepanjang tempoh yang mencabar ini. Asas perniagaan kami kekal kukuh, dengan tumpuan untuk menguruskan kos dan mengekalkan aliran tunai dalam memastikan kesinambungan perniagaan tanpa melepaskan peluang dan pelaburan yang berpotensi untuk pertumbuhan perniagaan yang terpilih. Kami juga akan terus melaksanakan dan memanfaatkan penyelesaian yang berteraskan teknologi untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan kami.”

Komitmen UEM Edgenta terhadap inisiatif kecemerlangan operasi pada tahun-tahun sebelumnya membuktikan kesiapsiagaan Syarikat dalam menyediakan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan tanpa gangguan di barisan hadapan, bagi kesemua hospital awam dan swasta di bawah seliannya sejak bermulanya pandemik COVID-19.

Selain menyediakan perkhidmatan penting, UEM Edgenta juga akan kekal komited dalam menyokong usaha Kerajaan Malaysia sepanjang wabak ini melalui inisiatif tanggungjawab korporat yang memberi manfaat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”). Ini termasuklah sumbangan 30 unit ventilator, 30 unit sistem pemantauan pesakit, serta pembangunan Sistem Pengurusan Epidemik untuk KKM melalui maklumat masa nyata dari hospital dan pusat kuarantin di seluruh negara. Tambahan juga, Syarikat turut bekerjasama dengan Jabatan Kejuruteraan KKM untuk membina Unit Rawatan Rapi Intensif Hibrid di Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang, Selangor, sebagai penyelesaian alternatif kepada ICU yang juga mendapat permintaan tinggi di hospital-hospital kerajaan yang menangani wabak COVID-19.

-Tamat Siaran Media-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila e-mel kami di communications@edgenta.com jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.